

1016

BACAAN AL-QURAN RIWAYAT HAFS ‘AN ‘ASIM: PENYUSUNAN TATACARA BACAAN MENGIKUT TARIQ YANG BETUL

FAIRUZ A. ADI, IKMAL ZAIDI HASHIM, SHAHARUDDIN SAAD

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
(KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia

Email: fairuz@kuis.edu.my
0132081291

ABSTRAK

Bacaan al-Quran menurut riwayat Hafs ‘an A’sim merupakan bacaan rasmi di negara Malaysia. Ia mula diajarkan dari peringkat rendah secara formal di sekolah-sekolah hingga ke peringkat yang lebih tinggi seperti universiti seterusnya diajar di peringkat dewasa dalam kelas-kelas tidak formal. Bacaan ini mendapat mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dan terus berkembang di negara ini disebabkan lafaz-lafaz perselisihan qira’atnya mudah disebut. Walaupun begitu bacaan al-Quran menurut riwayat Hafs sebenarnya mempunyai tatacara yang perlu diikuti ketika dalam bacaan. Kebanyakan tatacara bacaan riwayat hafs ini tidak diberatkan sama ada dalam pengajaran seterusnya membawa kepincangan dalam bacaan al-Quran. Kertas kerja ini merungkaikan tatacara bacaan Hafs ‘an Asim yang perlu diikuti oleh semua tenaga pengajar al-Quran khususnya dan semua pembaca al-Quran secara umum. Semoga kertas kerja ini menjadi panduan dan menyumbang kepada penambahbaikan bacaan al-Quran menurut riwayat Hafs ‘an ‘Asim di Malaysia serta sebagai satu percambahan ilmu untuk pengkaji dan peminat ilmu-ilmu al-Quran.

Kata kunci: al-Quran, riwayat, Hafs ‘an ‘Asim, tata cara, tariq.

1- Pendahuluan

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang penuh dengan mukjizat. Antara mukjizatnya yang dapat kita amalkan ialah kepelbagaiannya cara bacaan yang membolehkan kita mengamalkan mana-mana mazhab bacaan dari kepelbagaiannya tersebut yang dikenali sebagai bacaan qiraat. Ia merupakan satu bentuk keringinan dan kemuliaan yang dianugerahkan Allah SWT kepada umat nabi Muhammad SAW. Walaupun keharusan telah dikurniakan kepada kita untuk memilih mana-mana bentuk bacaan tetapi ia masih tidak boleh dibaca sesuka hati kecuali dipandu dengan motede atau manhaj yang betul. Sebagai contoh bacaan dari imam Hafs yang kita amalkan selama ini mempunyai satu tatacara atau manhaj yang perlu dipatuhi semasa membaca al-Quran.

Bacaan al-quran menurut riwayat Hafs boleh dikatakan sebagai bacaan rasmi negara ini. Rata-rata orang islam di Malaysia telah mempelajari al-quran bermula dari bacaan qiraati, iqra, dan sebagainya menurut sebutan dan metode riwayat imam Hafs ‘an ‘Asim. Namun, masih lagi terdapat sebahagian pembaca al-Quran yang tidak memahami selok belok perbezaan bacaan setiap toriq, lalu mencampuradukkan toriq-toriq tersebut di dalam bacaan mereka sedangkan hukumnya adalah tegah. Di dalam ilmu qiraat, mencampuradukkan bacaan di antara toriq, riwayat dan qiraat dinamakan sebagai *talfigh*, *takhlit* atau *tarkib*. Para ulama’

telah menyebut perbuatan *tarkib* (mencampuradukkan) bacaan ini di dalam kitab-kitab mereka sebagai peringatan supaya para pembaca al-Quran tidak terjerumus melakukannya.

Ibn al-Jazari berkata: "...Dan faedah daripada kami jelaskan dan perincikan daripada toriq-toriq dan kami sebut kitab-kitab adalah supaya tidak berlaku *tarkib*, kerana sesungguhnya apabila ia dibezakan dan dijelaskan maka hilanglah perkara itu (*tarkib*)". (al-Jazari 2006). Sheikh al-Dhabba dalam karyanya menyatakan' perkara tersebut berlaku kerana kejahanan pembaca al-Quran terhadap perbezaan toriq-toriq dan tidak berpegang pada asas yang kukuh ketika mengambil sesuatu bacaan.(al-Dhabba 1436H). Oleh itu, jalan keluar bagi mengelak berlakunya *tarkib* di dalam pembacaan al-Quran adalah dengan menguasai kaedah bacaan setiap toriq, riwayat atau qiraat yang dibaca.

Di dalam kajian ringkas ini, penulis hanya akan memberi fokus dan saranan bacaan Hafs pada satu jalan periwayatan sahaja supaya bacaan al-Quran menurut riwayat lebih tersusun cantik dan tidak lari dari metode yang lebih baik.

2- Biodata Imam Hafs ‘an ‘Asim

Menurut Mahmūd ‘Ali Makkiy penduduk Mesir pada asalnya membaca al-Quran menurut riwayat Warsh (wafat 197H), kemudiannya mereka sedikit demi sedikit berpindah ke riwayat Hafs ‘an Asim (wafat 180H). Menurutnya lagi, sejarawan Islam tidak dapat menentukan tarikh sebenar peralihan tersebut berlaku. Walau bagaimanapun berdasarkan pendapat yang paling tepat adalah pada kurun ke-4H. Mesir merupakan sebagai sebuah negara yang terkenal dengan ungkapan ‘madrasah mutamayyizah’, sebagai tempat pembelajaran yang istimewa dalam bidang al-Quran. (Tawfiq Ibrahim Damrah 2008)

Semakin lama, bacaan al-Quran menurut riwayat imam Hafs semakin dikenali dan diterima oleh umat Islam dan tersebar ke negara-negara Islam yang lain hingga sampai ke Malaysia.

Nama sebenar beliau ialah Abu Umar Hafs bin Sulayman bin al-Mughirah bin Abu Dawud al-Asadi al-Kufi al-Bazzar al-Ghadiri. Beliau lebih dikenali dengan nama Hafs. Imam Hafs dilahirkan di Kufah pada tahun 90 Hijrah dan wafat pada tahun 180 Hijrah. (Ibn al-Jazari 2006)

Beliau merupakan periwayat kepada imam Asim yang paling alim dan mengambil bacaan Qiraat daripada gurunya secara *musyafahah* dan *talaqqi*. Beliau juga pernah menduduki kota Baghdad dan Makkah seterusnya menjadi *muqri’* yang terkenal. (al-Zahabi 1997).

Berkata Ibn Main: "riwayat yang sahih yang diriwayatkan daripada Imam Asim ialah riwayat Hafs bin Sulayman". Beliau pernah berkata kepada Imam Asim: "Bacaan (wajah-wajah qiraat) Abu Bakr (Imam Syu’bah) tidak sama dengan bacaanku" Berkata Imam „Asim: "Aku membacakan kepadamu seperti mana dibacakan kepadaku oleh Abu Abd al-Rahman al-Sulami daripada Ali bin Abi Talib r.a, dan aku membacakan kepadanya (Imam Syu’bah) seperti mana dibacakan kepadaku oleh Dhurr bin Hubaysy daripada Abd Allah bin Mas’ud". (al-Jazari 1932)

3- Periwayat utama bacaan Hafs ‘an ‘Asim

Sebagaimana diketahui, bacaan riwayat Hafs daripada 'Asim menurut yang direkodkan oleh imam al-Syatibi didalam karyanya merupakan bacaan yang masyhur seluruh alam. Kemasyhurannya menjadikan riwayat hafs dari periwayatan imam-imam selain al-Syatibi kurang dikenali dan jarang diamalkan oleh umat Islam. Imam al-Syatibi dengan kebijaksaaannya telah memilih satu riwayat yang disebut sebagai toriq bagi setiap riwayat yang dikumpulkan di dalam kitabnya *Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani*. Untuk bacaan imam Hafs, beliau telah memilih jalan periwayatan 'Ubaid bin Sobah al-Nahsyali.

Selain imam al-Syatibi, terdapat ramai ulama qiraat telah memilih jalan periwayatan yang lain sebagaimana yang telah dibuat oleh Imam al-Syatibi. Antara ulama lain menjadi rujukan dalam ilmu riwayat al-Qiraat ialah Ibn al-Jazari . melalui kitab beliau al-Nasyr fi al-Qiraat al-'Asyar, Ibn al-Jazari telah dua toriq yang utama dalam riwayat imam Hafs iaitu:

A. Toriq 'Ubaid bin al-Sobah,

Beliau adalah Abu Muhammad 'Ubaid bin al-Sabbah bin Subaih al-Nahsyali al- Kufi. Beliau mengambil bacaan al-Quran daripada Hafs daripada 'Asim. Beliau merupakan seorang qari' yang saleh dan kuat ingatan. 'Ubaid meriwayatkan bacaan hafs kepada Ahmad bin Sahl al-Usynani, kemudian al-Usynani meriwayatkan bacaan tersebut kepada Abu Tahir 'Abd al-Wahid bin 'Umar, 'Ali bin Muhammad al-Hasyimi. Beliau wafat pada tahun 219H. (al-Jazari 2006)

Daripada Ali bin Muhammad al-Hasyimi terpecah kepada 10 toriq dan daripada Abi Tahir 'Abd al-Wahid bin 'Umar. Terpecah kepada 14 toriq

B. Toriq 'Amru bin al-Sobah al-Nahsyali.

Beliau adalah Abi Hafs 'Amru bin al-Sabbah bin Subaih al-Baghdadi al-Darir, beliau dan 'Ubaid merupakan adik beradik. Seorang yang sangat mahir dalam bacaan Hafs. Belia telah menganugerahkan bacaan imam Hafs kepada dua orang murid beliau iaitu Abi Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Hamid al-Fami yang dikenali sebagai al-Fil. Daripadanya terpecah kepada 14 jalan toriq dan kepada Zur'an bin Ahmad bin 'Isa. Daripadanya terbahagi kepada 14 toriq. (Qastallani T.th)

Jumlah semua toriq bagi riwayat Hafs daripada Imam 'Asim yang telah dihimpun oleh Ibn al-Jazari di dalam kitab beliau adalah 52 toriq.(al-Jazari 2006)

Sheikh al-Dhobba' di dalam kitab Sorih al-Nas telah menambah 5 toriq yang lain yang tidak dipilih oleh Ibn al-Jazari iaitu 3 toriq daripada al-Fil dan 2 toriq daripada Zur'an. Ini telah menjadikan keseluruhan toriq bagi riwayat Hafs daripada 'Asim adalah 57 toriq.(Tawfiq Ibrahim 2008)

4- Kalimah-Kalimah Yang Mempunyai *Khilaf* Dalam Bacaan Hafs ‘An ‘Asim

Secara amnya, riwayat Hafs tidak terdapat banyak perbezaan di antara toriqnya. Perbezaan hanya didapati dalam beberapa perkara *usul* qiraat dan kalimah-kalimah khusus yang disebut sebagai *farsh al-huruf*. Di bawah ini adalah senarai *usul* qiraat dan *farsh al-huruf* yang menjadi perselisihan bacaan antara toriq dalam riwayat Hafs.(Tawfiq Ibrahim Damrah 2008):

4.1 Kaedah Usul Dalam Riwayat Hafs An ‘Asim.

Terdapat 6 *usul* yang menjadi perbezaan bacaan dalam riwayat Hafs:

1. **Mad Munfasil:** Toriq dalam riwayat Hafs berbeza pada kadar panjang bagi mad ini, di mana sebahagian toriq membaca dengan *Qasr* (2 harakat), *Fuwaiq al-Qasr* (3 harakat), *al-Tawassut* (4 harakat) atau *Fuwaiq al-Tawassut* (5 harakat).
2. **Mad Muttasil:** Perbezaan pada kadar panjang bagi mad ini, di mana sebahagian toriq membaca dengan *al-Tawassut* (4 harakat), *Fuwaiq al-Tawassut* (5 harakat) atau *al-Isyba'* (6 harakat).
3. **Dengung (*Ghunnah*):** Sebahagian toriq membaca idgham tanpa *ghunnah* pada huruf Nun atau tanwin yang bertemu pada huruf Lam dan Ra'. Manakala sebahagian yang lain membacanya dengan idgham yang tidak sempurna (*idgham naqis*) dengan *ghunnah* pada pertemuan tersebut.
4. **Saktah pada huruf bertanda sukun (mati) sebelum huruf Hamzah:** Perbezaan pada tempat huruf mati tersebut di mana sebahagian mereka membaca tanpa saktah, sebahagian yang lain membaca Saktah 'Am¹ atau Saktah Khas².
5. **Takbir:** Perselisihan bacaan takbir am iaitu pada permulaan semua surah dalam al-Quran atau khas iaitu bacakan takbir di awal atau akhir surah-surah khatam.

4.2 Kalimah-Kalimah Khas (Farsh al-Huruf) dalam riwayat Hafs.

1. {يَصْطَ} **di dalam ayat 245 Surah al-Baqarah:** perbezaan bacaan antara huruf Sin atau Sod
2. {وَبِصَطَةً} **di dalam ayat 69 Surah al-A'raf:** Perbezaaan bacaan antara huruf Sin atau Shod.
3. {عَصِيطَرٍ} **di dalam ayat 22 Surah al-Ghashiyah:** Perbezaan bacaan antara huruf Sin atau Shod.
4. {الْمَصِيطَرُونَ} **di dalam ayat 37 Surah al-Thur:** Perbezaan bacaan antara huruf Sin atau Shod atau harus kedua-duanya sekali.
5. Hamzah Wasol pada
 - {الذَّكَرِينَ} di dalam ayat 143 dan 144 Surah al-An'am
 - {إِلَّا نَ} di dalam ayat 51 dan 91 Surah Yunus
 - {إِلَهُ} di dalam ayat 59 Surah Yunus dan 59 Surah al-Naml

¹ Saktah 'Am merujuk kepada Saktah pada Alif Lam Ta'rif sebelum huruf Hamzah, ﴿سِكِن مَفْسُلٍ وَسِكِن مَوْسُلٍ﴾, *Sakin Mafslul dan Sakin Mausul*. Lihat: Ibn al-Jazari, al-Nasyr fi al-Qiraat al-'Asyar. Jld.1. 325.

² Saktah Khas merujuk kepada saktah pada Alif Lam Ta'rif sebelum huruf Hamzah, ﴿شِيكِن مَفْسُلٍ وَشِيكِن مَوْسُلٍ﴾, dan *Sakin Mafslul*. Lihat: Ibn al-Jazari, al-Nasyr fi al-Qiraat al-'Asyar. Jld.1. 325.

Perbezaan bacaan pada kalimah-kalimah diatas di antara *ibdal* dengan *isyba'*, *tashil* Hamzah kedua atau kedua-duanya sekali.

6. **{يلهث ذلك} di dalam ayat 176 Surah al-A'raf:** Perbezaan bacaan pada lafaz ini samadasecara idgham, izhar atau harus keduanya.

7. **{اركب معنا} di dalam ayat 42 Surah Hud:** Kalimah ini berbeza sebutan samada secara idgham atau izhar.

8. Huruf Nun dan Wau pada:

· {يس والقرآن الحكيم} di dalam ayat 1-2 Surah Yasin

· {ن والقلم} di dalam ayat 1 Surah al-Qalam

Perbezaan dua kalimah di atas samada dibaca secara izhar atau idgham.

9. **{لا تأمنا} di dalam ayat 11 Surah Yusuf:**

Perbezaan sebutan pada lafaz ini samada dibaca dengan *isymam*, *ikhtilas* (*ikhfa'*) atau keduanya sekali.

10. Saktah pada kalimah-kalimah berikut:

· {عوجا} di dalam ayat 1-2 Surah al-Kahf

· {مرقدنا} di dalam ayat 1-2 Surah al-Kahf

· {من راق} di dalam ayat 27 Surah al-Qiyamah

· {بل ران} di dalam ayat 14 Surah al-Muthaffifin

Perbezaan pada kalimah-kalimah di atas adalah antara bacaan saktah atau tanpa saktah.

11. Huruf 'Ain pada 2 lafaz berikut:

· {كَيْعَصْ} di dalam ayat 1 Surah Maryam

· {حَمْ عَسْقْ} di dalam ayat 1-2 Surah al-Syura

Perbezaan bacaan lafaz ini adalah pada kadar mad huruf 'Ain di mana sebahagian toriq membaca *Qasr* (2 harkat), *Tawassut* (4 harakat), *isyba'* (6 harakat) atau dengan 2 wajah iaitu *tawassut* dan *isyba'*.

12. **{فرق} di dalam ayat 63 Surah al-Syu'ara'**

Perselisihan bacaan pada kalimah di atas adalah antara menipiskan sebutan hurf Ra' atau membaca dengan tebal.

13. **{ءاتان} di dalam ayat 36 Surah al-Naml**

Perselisihan sebutan pada kalimah di atas adalah ketika bacaan waqaf di mana sebahagian membaca dengan *ithbat* (kekal) huruf Ya', *hazaf* huruf Ya' atau harus kedua-duanya sekali.

14. Ayat 54 Surah al-Rum

Perbezaan sebutan pada kalimah **{ضعف}** dan **{ضعفاً}** di mana ia harus dibaca dengan baris atas (*fathah*) huruf Dhod, baris hadapan (*dhomma*).

15. **{سلام} di dalam ayat 4 Surah al-Insan**

Perselisihan bacaan pada kalimah di atas adalah dengan *ithbat* (kekal) huruf Alif, *hazaf* huruf Alif atau harus kedua-duanya sekali.

4.3 Cadangan susun atur bacaan yang betul dalam riwayat hafs

Dalam topik ini penulis ingin mencadangkan hanya dua bentuk bacaan dalam riwayat Hafs untuk memudahkan para pembaca mengamalkan bacaan Hafs dengan tatacara yang lebih utama. Dua bentuk bacaan ini adalah berdasarkan kepada penelitian penulis kepada karya-karya yang menulis dan menyusun bacaan imam Hafs dari dua toriq iaitu Ubayd bin Sabbah dan Amru bin Sabbah.

Dua bentuk bacaan yang dimaksudkan akan dijelmakan dalam bentuk jadual untuk memudahkan para pembaca mengesan kalimah-kalimah yang menjadi perselisihan dalam sebutan. Setiap satu bacaan dalam jadual adalah berpandukan pada hukum *mad munfasil*. Jika seseorang itu telah biasa telah membaca *mad munfasil* dengan kadar 2 harakat maka ia perlu mengikut tatacara yang betul dalam penyebutan kalimah-kalimah yang disebutkan dalam topik sebelum ini. Begitu sebaliknya jika seseorang itu telah biasa dengan bacaan *mad munfasil* dengan kadar 4 harakat.

الكلمات المختلف فيها عن حفص عن عاصم

عن الفيل عن عمرو بن الصباح		عن الهاشمي عن عبيد بن الصباح	كلمات الخلاف
ابن خلبي من المصباح	الحمامى من المصباح	من الشاطبية	
لا خ	لا خ	لا	التكبير
4	2	4/5	المد المنفصل
4	4	4/5	المد المتصل
لا غنة	لا غنة	لا غنة	النونان مع لر
سین	صاد	سین	وبيصط، وبصطة
سین	سین	وجهان	المسيطر ونون
سین	صاد	صاد	بمسيطر
وجهان	إيدال	وجهان	باب الذكرين
إدغام	إدغام	إدغام	يلهذ ذلك
إدغام	إدغام	إدغام	اركب معنا
إشمام	إشمام	وجهان	لا تأمنا
سكت	سكت	سكت	عواجا
سكت	سكت	سكت	مرقدنا
سكت	سكت	سكت	من راق، وبل ران
توسط	توسط	توسط وطول	عين (كهيغض) (حم عشق)
تفخيم	تفخيم	وجهان	فرق
حذف	حذف	وجهان	فما آتانا (وقفا)
فتح	فتح	وجهان	ضعف، وضعفاً
قصر	قصر	وجهان	سلاملا (وقفا)

5. Penutup

Melalui penulisan ini, penulis berpendapat perlunya para ilmuan Qiraat dan Tajwid meningkatkan usaha dan saling berganding bahu dalam memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat tentang asal usul bacaan Hafs yang kita amalkan selama ini. Seterusnya

menyedari betapa pentingnya seorang islam itu menguasai dan membaca riwayat hafs menurut tatacara yang sebenar. Sudah sampai masanya masyarakat diajar dan didedahkan secara lebih mendalam mengenai tatacara bacaan yang betul dalam riwayat Hafs ini kerana kita bukan sahaja sebagai pembaca al-Quran yang biasa bahkan bacaan dengan toriq yang betul meletakkan sebahagian dari penyimpan atau penjaga kepada satu riwayat dalam bacaan Hasf. Moga penulisan ini memberi manfaat kepada pencinta al-Quran serta membuka ruang kajian yang pada sudut pandangan yang lain mengenai bacaan al-Quran khusus dalam riwayat imam Hafs ini.

6. Rujukan

- Taufiq Ibrāhīm Damrah (2008M/1429H), Ahsan al-Bayān Syarh Turūq al-Tayyibah li Riwayah
Hafs, cet 1, Tanta: Dār al-Sahābah, hlm. 40
- Al-Zahabi, Abd Allah Muhammad bin Ahmad (1997), *Ma'rifah al-Qurra' al-Kubar*, Beirut:
Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- al-Dhabba', Muhammad 'Ali. Sorih al-Nas fi al-Kalimat al-Mukhtalaf fiha 'an Hafs. 1346H.
Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Qastalani, Shihabuddin. Lataif al-Isyarat li Funun al-Qiraat. 1972. Lajnah Ihya' al- Turath
al-'Arabi. Kaherah.
- Ibn Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'.
2006. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut.